



Senarai kedai Menu Rahmah disiarkan kepada umum

Oleh Asrol Awang - Februari 17, 2023 @ 5:39pm
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Direktori senarai 512 premis makanan di seluruh negara yang menawarkan Menu Rahmah kini boleh dilayari di pautan <https://menurahmah.kpdn.gov.my> bermula jam 5 petang, hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh, berkata melalui pautan itu, ia akan memudahkan orang ramai terutama golongan memerlukan memilih premis yang mereka inginkan untuk menikmati Menu Rahmah.

Katanya, selain itu, peniaga makanan yang menawarkan Menu Rahmah di premis mereka juga boleh mendaftarkannya.

"Setakat ini, 512 premis sudah berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) di seluruh negara.

"Kementerian berterima kasih kepada peniaga yang berkongsi rezeki dan mengurangkan keuntungan mereka bersama kerajaan dalam meringankan beban rakyat.

"Daripada maklum balas yang diterima setakat ini, ia amat positif dan memberangsangkan tawaran menu berkenaan," katanya.

Fuziah berkata demikian kepada media selepas melancarkan Menu Rahmah peringkat negeri Pahang di sini, hari ini.

Ditanya peniaga makanan yang mendaftar Menu Rahmah di Pahang, Fuziah berkata, sebanyak 18 premis menyediakan menu itu di premis masing-masing setakat semalam.

Katanya, kementerian menyambut baik kerana peniaga menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan Menu Rahmah secara sukarela di Pahang.

"Sebagai contoh Menu Rahmah berharga RM5 yang dijual di Restoran Taj di sini berharga (bernilai asal) RM8.20.

"Namun, kementerian berterima kasih di atas keprihatinan pemilik restoran dengan kuantiti dan kualiti sama," katanya.